



Renang HARIAN METRO

22/10/2016 P.80

# China kuasai hari pertama kejohanan GP Terjun Dunia FINA

**Kuching:** Harapan menyaksikan penerjun negara, Cheong Jun Hoong mencipta kejutan di Siri Grand Prix Terjun Dunia FINA tidak kesampaian apabila menarik diri daripada acara 10 meter platform wanita akibat kecederaan.

Jun Hoong, pemenang pingat perak Sukan Olimpik dalam acara 10m platform seirama bersama Pandelega Rinong, membuat keputusan itu di saat akhir, sekali gus membolehkan dua penerjun China menguasai acara berkenaan di Pusat Akuatik Pandelega Rinong, di Petrajaya di sini.

Lian Jie mengumpul 302,65 mata daripada enam terjunan untuk memenangi pingat emas manakala rakan sepasukannya, Xia Bingqing memperoleh perak dengan 298,25 mata. Wakil negara, Loh Zhiayi terpaksa berpuas hati dengan pingat gangsa selepas mengutip 285,55 mata.

Ratu terjun negara, Pandelega tidak mengambil bahagian kerana masih dalam proses pemulihan kecederaannya. Zhiayi ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah berkata beliau gembira dengan kemenangan pingat gangsa itu selepas menunjukkan prestasi yang lebih baik

sewaktu pusingan akhir berkenaan.

Sementara itu, dalam acara 3m papan anjal lelaki akhir, penerjun China, Xie Siyi muncul juara selepas mengumpulkan 479.15 mata, mengatasi rakan senegarannya, Peng Jianfeng (421.45) serta peserta Australia, Kevin Chavez (397.65), yang masing-masing mendapat pingat perak dan gangsa. Peserta negara, Chew Yiwei sekadar menduduki tangga kelima dengan 371.60 mata, di belakang Peter Mai dari Kanada (388.55). - BERNAMA

